



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ULAMA DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN  
NEGERI KEDAH TAHUN  
1909 HINGGA 1957**

**BARIYAH BINTI BASIRAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2018**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

## ABSTRAK

Tesis ini memberi tumpuan kepada sumbangan institusi ulama yang terlibat dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam negeri Kedah sekitar tahun 1909 hingga 1957. Fokus utama kajian ialah meneliti kedudukan dan peranan institusi tersebut dalam urus tadbir berhubung hal ehwal agama Islam di era penjajahan British. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang sejarah institusi ulama serta penglibatan British dan institusi ulama dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam; menganalisis perkembangan dan perubahan yang berlaku selepas campur tangan British, serta menganalisis kesan dan kepentingan institusi ulama dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam kepada masyarakat Islam di negeri Kedah. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif berdasarkan sumber primer dan sekunder. Antara sumber utama bagi kajian ini termasuk surat peribadi, surat tauliah, sijil pengiktirafan, foto, kitab lama, catatan peribadi, risalah, resit, surat tanah, laporan rasmi, fail, memorandum dan telegram yang di peroleh di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, Cawangan Kedah-Perlis dan Arkib Negara Malaysia, Cawangan Pulau Pinang dan orang perseorangan. Selain itu, sumber sekunder seperti jurnal, buku, artikel, kertas kerja, makalah, disertasi, tesis, penelitian terhadap laman sesawang turut dirujuk untuk menyokong penghuraian dan dapatan kajian. Temubual juga digunakan untuk mendapatkan maklumat dan petunjuk berkaitan dengan kajian. Dapatan kajian menunjukkan penglibatan ulama di era penjajahan British di Kedah berjaya membentuk suatu komuniti ulama yang berada pada status quonya sendiri. Walaupun di peringkat awal institusi ulama dilihat kukuh namun ia semakin lesu apabila berhadapan dengan kerentah birokrasi serta sistem pendidikan dan undang-undang yang diperkenalkan oleh British. Implikasinya kedudukan dan peranan institusi ulama tersebut berada di suatu sudut asing sekadar mengurus hal-hal tertentu dalam masyarakat Islam di negeri Kedah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## RELIGIOUS SCHOLARS IN THE KEDAH STATE ADMINISTRATION FROM THE YEAR 1909 TO 1957

### ABSTRACT

This thesis focuses on the contribution of religious scholars' institution involved in the administration of Islamic affairs in Kedah from 1909 to 1957. The main focus of the study is to evaluate the position and their role in administrative affairs during British rule. The objectives of this study is to analyse the background history of religious scholars' institution, British involvement and religious scholars' institution in the administration of Islamic affairs; to analyse the development and changes that had taken place after British intervention, and analyse the impact and importance of religious scholars' institution in the administration of Islamic affairs in the state of Kedah. This study adopts the qualitative approach based on primary and secondary sources. The primary sources are personal letters, letters of appointment, acknowledgement letters, photos, books, personal notes, receipts, land letters, official reports, files, memorandums and telegrams located in the Malaysian National Archive, Kuala Lumpur, the National Archive, Kedah-Perlis branch and National Archive Penang branch and from some individuals. Secondary sources such as journals, books, articles, papers, brochures, dissertations, theses, and websites were also consulted to support the study. Interviews were carried out to obtain information related to this study. The study found that the involvement of religious scholars' institution had successfully formed a community that kept its status quo. Although, the religious scholars' institution was seen solid at the initial stage, gradually it waned when they had to face the British bureaucracy, education system and laws which lead to the limitation of its position and role in managing specific matters in Muslim community in Kedah.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI CARTA</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv



## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pemasalahan Kajian	6
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Skop Kajian	9
1.5	Kepentingan Kajian	13
1.6	Kajian Literatur	14
1.7	Definisi Istilah	29
1.8	Metodologi Kajian	32
1.9	Organisasi Kajian	37





## BAB 2 INSTITUSI ULAMA NEGERI KEDAH SEBELUM CAMPUR TANGAN BRITISH TAHUN 1909

2.1	Pengenalan	41
2.2	Latar Belakang Negeri Kedah	42
2.3	Sejarah Kedatangan Islam ke Kedah	45
2.4	Ulama Dalam Bidang Dakwah	60
2.5	Ulama Dalam Bidang Pendidikan	63
2.6	Ulama Dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah	74

## BAB 3 BRITISH DAN INSTITUSI ULAMA DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN KEDAH 1909 HINGGA 1935

3.1	Pengenalan	97
3.2	Perubahan dalam Institusi Ulama Selepas Kedatangan British AntaraTahun 1909 Hingga 1935	102
3.2.1.	Kedudukan dan Peranan Syeikhul Islam	117
3.2.2.	Kedudukan dan Peranan <i>Chief Kadhi</i>	146
3.3	Pentadbiran Terhadap Pelaksanaan Undang-Undang Mahkamah Syariah	161
3.4	Pengenalan Kepada Kawalan Sistem Pendidikan Islam	180



## BAB 4 BRITISH DAN INSTITUSI ULAMA DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN KEDAH TAHUN 1936 HINGGA 1945

4.1	Pengenalan	195
4.2	Perubahan dalam Institusi Ulama Semasa Campur tangan British Tahun 1936 Hingga 1945	196
4.3	Kedudukan dan Peranan Majma' Ulama Syeikhul Islam:	
4.3.1	Kedudukan Majma' Ulama Syeikhul Islam	202
4.3.2	Peranan Majma' Ulama Syeikhul Islam	212
4.3.3	Cabar Majma' Ulama Syeikhul Islam	228
4.4	Kedudukan dan Peranan <i>Registrar Mohamadan School (RMS)</i>	232





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ix

## BAB 5 INSTITUSI ULAMA DALAM PENTADBIRAN 1946 HINGGA 1957: KESULITAN, PENGUKUHAN DAN CABARAN

5.1	Pengenalan	260
5.2	Kesulitan Institusi Ulama Dalam Pentadbiran Sebelum Penubuhan Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Kedah 1948	263
5.3	Penubuhahan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kedah 1948	276
5.4	Cabarani Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kedah 1948	294
<b>BAB 6 RUMUSAN</b>		335
<b>BIBLIOGRAFI</b>		348
<b>LAMPIRAN</b>		



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Ulama Dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah Sehingga Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah III (1854-1879)	95
3.1 Ulama Dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah di Era Penjajahan Tahun 1900-an Hingga Tahun 1957	116
3.2 Imam dan Pegawai-Pegawai Masjid Alor Setar Sekitar Akhir Kurun Ke-19 Hingga Tahun 1960-an	134
3.3 Senarai <i>Chief Kadhi</i> Negeri Kedah dari Tahun 1910 Hingga 1962	151
3.4 Kadhi Jajahan Yang Berkhidmat di Beberapa Kawasan Jajahan di Negeri Kedah Sekitar Tahun 1900-an Hingga 1940-an	155
4.1 Senarai <i>Chairman</i> dan <i>Member Majma' Syeikhul Islam</i> Antara Tahun 1936 Hingga 1957	204
4.2 Gaji Semasa dan Gaji yang Dipohon oleh <i>Registrar Mohammanan School (RMS)</i>	256
5.1 Jumlah Pernikahan, Kes Perceraian dan Rujuk Antara Tahun 1948 Hingga 1957	303
5.2 Bilangan Penuntut di Universiti al Azhar dari Tanah Melayu dan Negeri-Negeri Selat Pada Tahun 1950	323



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

## SENARAI CARTA

**No. Carta****Muka Surat**

3.1	Organisasi Institusi Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Tahun 1909 Hingga Tahun 1935	114
3.2	Organisasi Masjid Zahir Sekitar Tahun 1900-an	136
4.1	Organisasi Institusi Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Tahun 1936 Hingga Tahun 1947	201
4.2	Organisasi Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Ketika Pendudukan Jepun Tahun 1942-1943	208
5.1	Organisasi Institusi Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Tahun 1948Hingga Tahun 1950-an	281



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
FMS	<i>Federated Malay State</i>
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IMS	<i>Inspector Muhammadan School</i>
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JIM	Jemaah Islah Malaysia
KMK	Kersatuan Melayu Kedah
MAIK	Majlis Agama Islam Kedah
NNMB	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu
NNS 05-4506832	Negeri-Negeri Selat Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
PAS	Persatuan Islam Se Malaya
PUM	Persatuan Ulama Malaysia
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PASPAM	Persaudaraan Sahabat Pena Malaya
PTNK	Perkhidmatan Tadbir Negeri Kedah
PUK	Persatuan Ulama Kedah
P.W.D	<i>Public Works Department</i>
RMS	<i>Registrar Muhammadan School</i>
RS	<i>Registrar School</i>
SEBERKAS	Syarikat Bekerjasama Am Saiburi
SHTI	Syarikat Hindia Timur Inggeris
UUK	Undang-Undang Kedah





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

UTKK Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah

U.M.N.O *United Malays National Organisation*

YADIM Yayasan Dakwah Islam Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

- A Khutbah Pertama dan Kedua Solat Jumaat Karangan Syeikh Abdul Ghani Khadi Jajahan Jitra Bertajuk “Muhasabah Diri dan Lain-lainnya”.
- B Surat Aduan Tidak Puas Hati Syeikh Abdul Ghani bin Haji Awang kepada baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah berhubung Perjalanan Mahkamah Syariah pada 11.10.1348H /1929M
- C Surat Pelantikan Syeikh Musa Asst. *Chief Kadhi* sebagai *Chief Kadhi* menggantikan Syeikh Haji Wan Sulaiman bin Wan Siddiq pada 1.12.1338H / 1919 M
- D Senarai Kadhi Jajahan di negeri Kedah pada tahun 1357H / 1938M
- E Surat Tauliah kebenaran menjadi Kadhi Jajahan di negeri Kedah.
- F Surat Tauliah Pegawai Masjid di Negeri Kedah
- G Surat Tauliah Lantikan Ahli Mesyuarat Masjid di Negeri Kedah
- H 05-4506832 Peta Kedudukan Masjid Zahir Sekitar Tahun 1353H / 1934M Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
- I Sumpah Taat Setia Pegawai Kerajaan Kedah
- J Surat Jawapan Permohonan Jawatan Guru Agama oleh Pejabat *Registrar Muhammadan School* Semasa Pemerintahan Jepun
- K Surat Peringatan daripada Pejabat *Registrar Muhammadan School (RMS)* Berhubung Memohon Kebenaran Mengajar, Mendirikan Madrasah dan Mengadakan Syarahan.
- L Surat Bantahan daripada Pejabat Majma' Ulama Syeikhu Islam Berhubung Permainan Wayang Pada Malam Jumaat Sempena Sambutan Kemahkotaan Queen Elizabeth.
- M Kenyataan Tunku Ahmad Tajuddin Ibni Tunku Mahmud Berhubung Cadangan Gelaran Mufti Bagi Negeri Kedah
- N Carta Organisasi Jabatan Agama Islam Kedah (MAIK) Tahun 1962 Hingga Tahun 1965
- O Surat Persatuan Islam Sa Malaya kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Bagi Permohonan Biasiswa Khas Pelajaran Agama pada Tahun 1954
- P Gambar Guru Sekolah Melayu Tandop dan Guru Agama Gambar Syeikh Ismail bin Salleh Kadhi Besar Negeri Kedah bersama Ahli Majlis Agama Islam Terengganu





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

- Q Gambar semasa perhimpunan penuntut-penuntut Madrasah Diniyah Limbung Kapal merayakan hari Jubli King Inggeris di hadapan rumah Tuan Haji Wan Sulaiman Sheikhul Islam
- Gambar Murid-murid Maktab Mahmud berpakaian seragam semasa menyambut Jubli Intan Sultan Abdul Hamid Halim Shah
- R Salasilah Tariqat Naqsyabandiah dan Qadariah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan



Sejarah Malaysia atau Tanah Melayu dilihat dalam ruang masa yang terlalu pendek.

Tidak banyak perkara mengenai sejarah bangsa Melayu di ketahui oleh masyarakat Melayu sendiri. Hal yang sedemikian itu berlaku akibat kekurangan atau ketiadaan catatan pengkisahan atau sumber tentang sejarah orang Melayu dan Tanah Melayu.

Kekurangan atau hampir ketandusan sumber bertulis sejarah Malaysia di zaman sebelum perkembangan Islam menyebabkan ia masih samar dan sukar diperihalkan dengan jelas. Zaman awal Islam juga sebenarnya masih kabur. Menjelang kejatuhan kerajaan Melayu Melaka pada awal kurun ke-16 baharulah sejarah nusantara dan rantau Malaysia menjadi lebih jelas terutamanya hasil catatan orang luar seperti Cina dan Portugis, dan kemudiannya Belanda dan British. Zaman sebelum Melaka seolah-olah zaman gelap atau era yang ketandusan unsur budaya tinggi yang sepatutnya wujud dalam sebuah tamadun yang maju padahal peranan Palembang dan kemudiannya Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa dan





pengajian agama (Buddha bagi Palembang dan Islam bagi Melaka) kini diketahui umum pada zaman sebelum penjajah.<sup>1</sup>

Walau bagaimanapun melalui kajian-kajian sejarah tempatan yang masih luas untuk diterokai seperti di negeri Kedah adalah antara contoh yang baik bagi mengenali sejarah perkembangan masyarakat Melayu selaku masyarakat peribumi di Malaysia. Melalui sumber-sumber tempatan dan asing serta beberapa artifak yang dijumpai dapat menjelaskan kedatangan Islam dan perkembangannya di Alam Melayu terutama di negeri Kedah.<sup>2</sup>

Negeri Kedah juga dikenali sebagai Kataha merupakan suatu kerajaan yang pernah mencapai kemuncak kekuasaan sebelum ia diambil alih oleh kerajaan dari wilayah lain di Alam Melayu. Begitu juga dengan kerajaan-kerajaan seperti Demak, Pasai, Melaka, Pahang, Perak, Pattani, dan Aceh yang memiliki kewibawaan pemerintahan masing-masing. Wilayah-wilayah di Alam Melayu merupakan suatu rumpun yang bergerak dan berinteraksi antara satu sama lain.<sup>3</sup> Interaksi tersebut turut digerak dan disumbangkan oleh golongan ulama yang wujud sejak kedatangan Islam ke Alam Melayu terutama di Kedah hingga kurun ke-20.

<sup>1</sup> Rujuk huriaannya dalam Abdul Rahman Haji Ismail, "Nusa dan Bangsa Malaysia: Bertapak di Masa Lampau, Melangkah ke Masa Depan", *Sidang Kemuncak Sejarah di Wisma Sejarah*, Kuala Lumpur pada 17 dan 18 Disember 2013, hlm 1-2

<sup>2</sup> Abdul Halim Nasir, *Epografi Islam terawal di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990. Rujuk Ross E.Dunn, *Pengembaraan Ibn Battuta Musafir Islam*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005. <sup>2</sup> Rujuk Ismail Haji Saleh, *Syeikh Abdullah Al-Yamani Kedatangan Islam Ke Kedah Darul Aman 1136*, Lembaga Muzium Negeri. Rujuk SP 5 / A / 1- Syarahan Haji Abdullah bin Abbas Nasution, Rujuk SP 5 A 3- Quran Dakwah Islamiah

<sup>3</sup> Rumaizi Ahmad, *Baldatun Tayyibah Model Kesultanan Melayu Nusantara*, Selangor: Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor, 2015, hlm. 69-93. Rujuk juga Azyumardi Azra, *Islam Nusantara Jaringan Global dan Lokal*. Bandung: Mizan Media Utama.2002, hlm.20-36. Rujuk juga Andaya, Leonard Y., *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: Macmillan Publishers (M) Sdn. Bhd. 1983, hlm. 132-133. Rujuk Syed Muhammad Naguib Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan, 2014, hlm. 21-22. Rujuk Hamka, *Sejarah Umat Islam (Edisi Baru)*, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 2006, hlm. 662-681. Rujuk SP 5 / A / 4 - Risalah Lawatan A. A. Nasution ke Aceh / Seminar Sejarah Masuk dan Perkembanganya.





Justeru fokus kajian ini adalah berkaitan dengan ulama yang menjadi antara agen penting kepada perubahan masyarakat di sesuatu daerah dan seterusnya memberi kesan kepada perkembangan sosio-politik sesebuah wilayah atau negara di mana ulama mempunyai hubungan yang rapat antara pelbagai golongan sama ada masyarakat bawahan maupun golongan atasan.

Seterusnya kajian ini memberi perhatian yang lebih spesifik kepada sumbangan institusi ulama menerusi kedudukan dan peranan dalam pentadbiran kerajaan negeri Kedah era penjajahan. Melalui kajian terhadap institusi ulama ini pengkaji cuba mengaitkan beberapa perkara hasil daripada peninggalan sejarah bangsa Melayu yang panjang dengan wujudnya suatu institusi pentadbiran hal ehwal



Peninggalan sejarah tersebut dapat ditonjolkan melalui sumbangan institusi ulama dari zaman kedatangan Islam, hubungan dengan pemerintah dan masyarakat dalam melaksanakan misi dakwah hingga membawa kepada pembinaan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat serta penerokaan pusat-pusat pengajian di masjid, rumah tuan guru dan pondok di sekitar negeri Kedah. Hal sedemikian ini sudah pasti memberi asas kukuh kepada kewujudan institusi ulama dalam mentadbir hal ehwal agama Islam di zaman penjajahan.<sup>4</sup>

<sup>4</sup> Abd. Manaf Saad, "Satu Kajian Ringkas Mengenai Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek (1874M-1935M)", *Kedah Dari Segi Sejarah, jild. 7, bil(1)*, Julai 1976. Rujuk Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jilid 4*, Kuala Lumpur: Persatuan Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah Kuala Lumpur, 2000. Rujuk Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jilid 4*, Kuala Lumpur: Persatuan Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah Kuala Lumpur, 2002. Rujuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah- Senarai Sekolah Agama Berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah 2014-2014. Rujuk Kitab Syeikh Muhammad Arsyad Bin Abdullah Al Banjari, *Sabilul Muhtadin Li Tafakuh fi Amariddin*, Pencetakan Ma'arif Sdn. Bhd. (tiada tahun). Rujuk Syeikh Abdullah Hussain Nasir bin Muhammad Taib. (tiada tahun). *Hidayatus Sibyan fi Ma'arifatul Islam wal Iman*. Pulau Pinang: Pencetakan Ma'arif Sdn. Bhd. Rujuk Kitab *Hidayatul Mutafakkirin (Tauhid)* Cetakan Pertama; (1345M/1927M) Mathba'ah Ahmadiah, 82 Jalan Sultan Singapura. Rujuk *Sejarah Sekolah Pondok Di Negeri Kedah Darul Aman*, Auditorium Wisma Negeri, Anjuran Arkib Negara Malaysia





Apa yang lebih penting dalam kajian ini adalah perubahan yang dialami oleh institusi ulama dalam pentadbiran kerajaan di zaman penjajahan, di samping pengenalan terhadap undang-undang Mahkamah Syariah yang merangkumi undang-undang berhubung *munakahat* (perkahwinan), peraturan ibadat dan undang-undang *Registrar Muhammadan School (RMS)*. Pengenalan dan perubahan terhadap pentadbiran hal ehwal agama Islam, peraturan dan undang-undang tersebut memberi kesan terutama kepada kepentingan masyarakat Islam di negeri Kedah.<sup>5</sup>

Walaupun kedudukan dan peranan ulama dalam kerajaan kesultanan negeri

Kedah berjalan begitu lama dan terus diwarisi di zaman penjajahan namun penampilan mereka berbeza. Bagi British institusi ulama dalam pentadbiran kerajaan Kedah di zaman penjajahan adalah satu komuniti ulama yang diperlukan untuk mengurus hal ehwal agama Islam di negeri Kedah. Pemerintah memerlukan komuniti ulama tersebut demi memelihara kepentingan penjajahan mereka.

Berbeza dengan ulama pada zaman sebelum penjajahan British, mereka berada di dalam barisan pemerintah tanpa wujud suatu institusi lain atau terpisah dalam malaksanakan pentadbiran hal ehwal agama Islam. Kedudukan ulama sebagai penasihat sultan memberi banyak kelebihan kepada ulama untuk bersama dalam urusan pentadbiran kerajaan. Walau bagaimanapun bagi golongan ulama sama ada

Kedah Darul Aman. 22 Disember 1990. Rujuk Ahmad Abdul Ghani bin Haji Said, 1976/77 *Tuan Hussain Kedah*, Kajian Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sejarah), Universiti Malaya. 1976/77. Rujuk Wan Shamsudin bin Mohd Yusof, *Biografi Ulama Kedah Darul Aman, Alor Setar*: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman, 1996.

<sup>5</sup> Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T.H. 1330 - State Council Menetapkan Mahkamah Syariah Bagi 1330 (1911). Rujuk Catatan hingga Perkara 16. (Undang-undang ini membatalkan undang-undang Mahkamah Syariah 1327 (1908). Rujuk Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid 17 Safar 1340 - Undang-Undang Mahkamah Syariah Tahun 1340. Rujuk Fail Suk. 1349 Bil. 2611 - *Re Teaching of Religious Doctrines by the Mosque Official*. Rujuk Fail Suk. 1356 Bil. 749 - *Diary of Inspector of Muhammadan*





sebelum atau semasa penjajahan matlamat mereka adalah mentadbir hal ehwal agama Islam melalui kedudukan dan peranan semasa yang digalas demi menjaga kepentingan agama Islam.

Pelbagai cabaran terpaksa dilalui oleh institusi ulama yang melibatkan undang-undang dan peraturan hingga ada kalanya menggugat prinsip yang dipegang. Pelantikan jawatan dalam organisasi pentadbiran hal ehwal agama Islam juga antara cabaran yang perlu dihadapi oleh komuniti ulama dalam pentadbiran era penjajahan. Begitu juga dengan perubahan politik, pandangan, pemikiran dan tingkah laku yang berlaku dalam kalangan masyarakat perlu diamati dan dipandu dalam usaha institusi ulama melaksanakan peranan '*amar ma'ruf nahi mungkar*'.<sup>6</sup>



Prinsip ini mengikat mereka dalam kancang polemik yang berlaku di negeri Kedah sehingga menampakkan kelemahan serta pelbagai tafsiran terhadap institusi ulama dalam mengurus tadbir hal ehwal agama Islam di negeri Kedah. Justeru satu penjelasan perlu dilakukan dengan tuntas agar kedudukan sebenar ulama tidak disalah erti. Ulama, pemerintah dan masyarakat saling berhubung dalam mewujudkan kesejahteraan bukan sahaja di dunia malah matlamat akhir sekalian manusia iaitu alam akhirat yang kekal abadi.

<sup>6</sup> Menyeru kebaikan mencegah kemunkaran





## 1.2 Pemasalahan Kajian

Kedudukan dan peranan institusi ulama dalam pentadbiran kerajaan negeri Kedah pada zaman penjajahan British memperlihatkan beberapa perbezaan dengan zaman sebelumnya. Dalam pentadbiran kerajaan pada zaman penjajahan British, dibentuk suatu komuniti ulama yang lebih ekslusif. Komuniti ulama ini seterusnya menjadi suatu institusi yang berteraskan aristokrasi dan birokrasi. Walaupun institusi ulama tersebut merupakan aspirasi daripada penjajahan British namun kedudukannya kurang disenangi British.

Kedudukan golongan ulama dalam pentadbiran sukar dihapuskan dengan segera memandangkan golongan ulama sama ada di dalam maupun di luar pentadbiran kerajaan dihormati dan berpengaruh dalam masyarakat. Namun usaha untuk mengurang dan menghapuskan jawatan utama dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam terus dilakukan. Hal yang sedemikian ini dapat dibuktikan melalui usaha pemansuhan jawatan Syeikhul Islam Kedah seterusnya membawa kepada kedudukan dan peranan Syeikhul Islam dan Majma' Syeikhul Islam dalam *State Council* yang semakin terhakis. Ekoran daripada itu wujud pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam terutama dalam hal ehwal pentadbiran, pendidikan dan perundungan yang akan dibincangkan dalam bab-bab seterusnya.

Sebelum campur tangan British sudah ada usaha yang dilakukan oleh Sultan Abdul Hamid bersama Tunku Mahmud menubuhkan institusi ulama dalam pentadbiran kerajaan yang lebih tersusun dan moden sebelum campur tangan British. Sebuah tempat di Limbong Kapal dipilih sebagai pusat pentadbiran hal ehwal agama Islam.





Pentadbiran hal ehwal agama Islam juga diletakkan di bawah pengurusan masjid kampung (*qariah*) masing-masing. Namun institusi ini tidak diiktiraf oleh British. Malah di era penjajahan institusi ulama yang dibentuk tidak diletakkan secara langsung di bawah pentadbiran kerajaan negeri Kedah. Sehingga pada tahun 1948 jawatan Majma' Syeikhul Islam diletakkan sebagai Ahli Rasmi dalam *State Council* atau Majlis Mesyuarat Negeri. Justeru langkah memansuhkan jawatan Syeikhul Islam juga diusahakan sehingga akhirnya tercapai pada tahun 1936. Dari semasa ke semasa British berusaha mengurangkan pengaruh ulama dalam kerajaan.

Sikap berat sebelah British terhadap institusi ulama dalam pentadbiran kerajaan dapat dilihat melalui pemberian gaji yang rendah kepada Syeikhul Islam, Chief Kadhi, Kadhi Jajahan, Registrar Muhammadan School (RMS), Inspektor Muhammadan School (IMS) dan guru-guru agama. Selain itu syarat pengambilan sebagai guru agama yang ketat juga dikenakan terutamanya kepada guru Maahad Mahmud di Alor Setar. Mereka terpaksa melalui penapisan yang teliti oleh polis negeri dan *Special Branch* di Kuala Lumpur. Peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah agama juga amat kecil dan tidak diberi secara menyeluruh kepada institusi pendidikan agama sama ada sekolah agama bagi murid-murid sekolah rendah di waktu petang, sekolah agama di peringkat menengah, madrasah dan pondok.

British turut mengawal institusi ulama sama ada di dalam pentadbiran mahupun di luar pentadbiran kerajaan dengan merangka undang-undang Mahkamah Syariah dan juga Undang-Undang RMS serta peraturan dan tauliah masjid. Undang-Undang RMS menjadi perhatian dan keutamaan kepada British dalam pelaksanaan undang-undang Mahkamah Syariah walaupun terdapat beberapa peruntukan undang-





undang lain seperti yang melibatkan *munakahat* (perkahwinan) serta ibadat asas seperti solat dan puasa yang memerlukan perhatian dan penambah baikan. Undang-Undang *RMS* meliputi kebenaran mengajar dan peraturan penerbitan kitab. Undang-undang tersebut memberi kesan jangka panjang terutama kepada aktiviti golongan ulama sama ada dari dalam maupun dari luar pentadbiran kerajaan. Secara umumnya ia turut mempengaruhi perkembangan Islam dalam masyarakat.

Dalam kekangan yang berlaku, institusi ulama dalam pentadbiran kerajaan berusaha mencari jalan supaya golongan ulama di negeri Kedah dapat menjalankan tugas dan dakwah mereka serta memelihara kepentingan Islam kepada seluruh masyarakat Islam terutama di negeri Kedah.



### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif berikut:

1. Mengkaji latar belakang institusi ulama dalam pentadbiran kerajaan Kedah sebelum tahun 1909.
2. Mengkaji penglibatan British dan institusi ulama dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam tahun 1909 hingga 1935.
3. Menganalisis perkembangan institusi ulama dalam pentadbiran kerajaan Kedah tahun 1936 hingga 1945.
4. Menganalisis kesan dan kepentingan institusi ulama dalam pentadbiran kerajaan Kedah tahun 1946 hingga 1957.





## 1.4 Skop Kajian

Negeri Kedah dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia adalah antara negeri terawal menerima Islam di Tanah Melayu. Kedudukan geografinya yang strategik menarik pelbagai bangsa dari pelbagai negara untuk datang ke negeri Kedah. Negeri Kedah turut dikunjungi oleh ulama dari pelbagai tempat yang mempengaruhi keseluruhan kehidupan masyarakat Melayu hingga kini.

Selain itu, negeri Kedah dipilih kerana terdapat banyak institusi pendidikan Islam berbanding negeri lain di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Pusat pendidikan seperti pondok, madrasah dan sekolah agama melahirkan golongan ulama dan agamawan yang mempengaruhi sosio-budaya dan politik masyarakat Melayu di negeri Kedah.<sup>7</sup>

Daerah dan lokasi tertentu di negeri Kedah akan diberi tumpuan berdasarkan maklumat dan bukti berkaitan dengan kegiatan, pemikiran serta pengaruh institusi ulama terhadap masyarakat di Kedah dalam tempoh 1909 hingga 1957. Hal ini dibuktikan dengan lahirnya tokoh-tokoh ulama seperti Tuan Haji Ishak bin Muhammad Hashim (sekitar awal 1800-an), Syeikh Hussain Nasir bin Muhammad Taib atau Hussain Kedah (1863-1936), Syeikh Haji Wan Sulaiman bin Haji Wan Siddiq (1874-1935), Syeikh Abdullah Masri (1889-1967), Tuan Haji Muhammad Arif bin Haji Ishak (1871-1941), Tuan Haji Ismail bin Haji Muhammad Salleh (1894-1945), Syeikh Wan

<sup>7</sup> Awang Had Salleh. 1981. "Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat Dan Pondok Di Kedah" *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*. Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Rujuk juga H.R. Cheeseman, *Education In Malaya 1900-1941*, London: University of London Council, 1954. Rujuk *Sejarah Sekolah Pondok Di Negeri Kedah Darul Aman*, Auditorium Wisma Negeri, Anjuran Arkib Negara Malaysia Kedah Darul Aman. 22 Disember 1990.





Ismail bin Abdul Qadir atau Pak Da El (1882-1965), dan Haji Wan Ibrahim bin Wan Abdul Qadir atau Pak Cu Him (1892-1968). Mereka antara ulama yang banyak berjasa kepada masyarakat negeri Kedah sama ada dalam pentadbiran kerajaan, menghasilkan karya ilmiah dan pengasas kepada pondok di negeri Kedah.<sup>8</sup> Skop kajian tertumpu di negeri Kedah dan sedikit di negeri jiran sebagai perbandingan.

Fokus utama kajian iaitu sumbangan ulama menerusi kedudukan dan peranan dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam dalam kerajaan negeri Kedah, di samping cabaran yang dihadapi semasa era penjajahan. Skop masa kajian ialah dari tahun 1909 hingga tahun 1957 yang dibahagi menurut fasa-fasa berikut:

i.      Tahun 1909 hingga 1935



ii.     Tahun 1936 hingga 1945

iii.    Tahun 1946 hingga 1957

Tahun 1909 diambil sebagai titik permulaan kerana mengambil kira secara rasmi negeri Kedah diletakkan di bawah penjajahan yang ditandatangani antara Britain dan Thailand. Melalui perjanjian tersebut British memperoleh hak ketuanan, perlindungan, pentadbiran dan kawalan ke atas negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan pulau-pulau berdekatan yang sebelum ini dikuasai oleh Thailand.<sup>9</sup> Dalam fasa pertama ini juga usaha dilakukan oleh penajah British dalam membentuk suatu komuniti ulama baru yang akhirnya wujud sebuah institusi ulama yang terpisah

<sup>8</sup> Wan Shamsudin bin Mohd Yusof, *Biografi Ulama Kedah Darul Aman 1*.

<sup>9</sup> Perjanjian Antara Great Britain Dengan Siam 1909, *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara, Malaysia, 2008, hlm.65.





dari pada pentadbiran perdana dalam kerajaan negeri Kedah. Institusi ulama ini hanya mentadbir urus segala yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam sahaja.

Fasa kedua pula bermula dengan tahun 1936 yang merujuk kepada perubahan yang berlaku dalam institusi pentadbiran hal ehwal agama Islam selepas kematian Syeikhul Islam. Kematian Syeikhul Islam membawa kepada pemansuhan jawatan tersebut dan diganti dengan jawatan Majma' Ulama Syeikhul Islam dan penubuhan RMS.<sup>10</sup> Tahun 1936 merupakan tahun negeri Kedah kehilangan jawatan penasihat sultan dalam kalangan ulama secara rasmi dalam pentadbiran kerajaan terutama dalam memelihara kepentingan agama Islam. Kedudukan Majma' Ulama Syeikhul Islam yang mempunyai tugas hakiki sebagai *Chief Kadhi* dan kadhi jajahan menyebabkan berlakunya pertindihan dan bebanan tugas yang banyak sehingga kedudukan dan peranan institusi ulama dalam memelihara kepentingan hal ehwal agama Islam semakin kurang berkesan.

Tahun 1946 hingga tahun 1957 diletakkan sebagai tempoh akhir kajian kerana pada tahun 1946 berlaku pelantikan baru kepada jawatan tertinggi agama setelah kematian Syeikh Haji Ismail bin Haji Salleh iaitu *Chief Kadhi*. Seterusnya bermula usaha memperkasa institusi pentadbiran hal ehwal agama Islam dengan lebih serius. Sehingga tertubuhnya Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1948. Majlis ini ditubuhkan di bawah peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah 1948 dengan menaiktaraf pentadbiran hal ehwal agama Islam serta pengstruktur semula organisasi institusi pentadbiran hal ehwal agama Islam. Dalam tempoh ini juga

<sup>10</sup> Perbincangan seterusnya dalam bab 3





persatuan seperti Kesatuan Melayu Kedah (KMK) dan Persatuan Ulama (PUK) yang diterajui oleh golongan ulama sama ada daripada dalam mahupun luar pentadbiran kerajaan bertindak sebagai pengkritik dan penggerak kepada kelangsungan institusi agama Islam yang semakin lesu.

Fasa ketiga ini merupakan suatu tempoh yang mencabar bagi ulama sama ada ulama yang terlibat di dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam mahupun ulama di luar pentadbiran. Pelbagai isu dan masalah terpaksa dihadapi seperti dalam hal moral, perceraian, ajaran sesat dan penyebaran ajaran kristian. Beberapa kelemahan mula dirasai apabila Undang-undang Mahkamah Syariah dilihat gagal menangani masalah



Secara umumnya tempoh yang dipilih turut memaparkan beberapa perkara yang berlaku dalam mempengaruhi sosio politik negeri Kedah seperti:

- i. Kewujudan jawatan Syeikhul Islam, *Chief Kadhi* dan Majma' Ulama Syeikhul Islam.
- ii. Penubuhan dan pelaksanaan Mahkamah Syariah dan Undang-undang mahkamah syariah.
- iii. Pelantikan pegawai-pegawai agama di bawah *State Council*.
- iv. Perjuangan persatuan dan parti seperti Kesatuan Melayu Kedah (KMK), Persatuan Ulama Kedah serta ulama dalam UMNO dan PAS yang mempengaruhi institusi hal ehwal agama Islam di negeri Kedah.

